

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **YB DATO' KAMARUDIN BIN
JAFFAR [TUMPAT]**

TARIKH : **27 MEI 2015 (RABU)**

SOALAN :

YB Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang mengadakan sidang Parlimen di Sabah atau/dan Sarawak selain dari di Kuala Lumpur untuk meningkatkan lagi perpaduan Negara kita.

JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penetapan tempat, hari dan waktu bagi suatu Persidangan Parlimen hendaklah sebagaimana yang dinyatakan di bawah Peraturan Mesyuarat 11(1) iaitu Persidangan Majlis Mesyuarat yang mula-mula bagi tiap-tiap penggal hendaklah diadakan di tempat, pada hari dan waktu yang diisytiharkan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Perkara ini adalah selaras dengan Fasal (1) Perkara 55 Perlembagaan Persekutuan apabila Yang di-Pertuan Agong hendaklah memanggil Parlimen dari semasa ke semasa dan tidak boleh membiarkan enam (6) bulan berlalu antara persidangan yang akhir dalam satu penggal dengan tarikh yang ditetapkan untuk mesyuarat pertamanya dalam penggal yang berikutnya.

Oleh yang demikian, apa-apa cadangan bagi perubahan tempat Persidangan Parlimen hendaklah terlebih dahulu mendapat perkenan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Sekian. Terima kasih.